

ORREGEL

Choline Salicylate / Cetylpyridinium Chloride (8.7% w/w / 0.1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Orregel
2. Bagaimana Orregel berfungsi
3. Sebelum mengambil Orregel
4. Cara menggunakan Orregel
5. Semasa menggunakan Orregel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Orregel
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Orregel. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Orregel berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan Orregel

Orregel digunakan untuk melegakan ketidakselesaan dan kesakitan semasa pertumbuhan gigi pada bayi, ulser mulut, sakit gusi, lelangit, bibir, serta sakit akibat tekanan gigi palsu.

Bagaimana Orregel berfungsi

Orregel mengandungi bahan aktif Choline Salicylate dan Cetylpyridinium Chloride.

Choline Salicylate ialah sejenis ubat antiradang bukan steroid (NSAID) yang digunakan untuk melegakan kesakitan dan ketidakselesaan.

Cetylpyridinium Chloride ialah sejenis aktiseptik yang berfungsi untuk membunuh bakteria dan mikroorganisma lain.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum menggunakan Orregel

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Orregel sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) kepada bahan salicylates atau mana-mana bahan dalam ubat ini.
- Anda mengalami ulser perut.

-Sebelum mula mengambil

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Orregel

-Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak (umur lebih dari 4 bulan): Lap permukaan yang hendak di sapu. Dengan menggunakan jari yang bersih, sapukan sedikit gel dan urut secara perlahan di kawasan yang terjejas.

Jangan berikan ubat ini kepada yang berumur kurang daripada 4 bulan.

-Bila perlu digunakan

Gunakan Orregel apabila mengalami ketidakselesaan semasa pertumbuhan gigi, ulser mulut, sakit gusi, lelangit, bibir, serta sakit akibat tekanan gigi palsu.

-Berapa lama perlu digunakan

Ubat ini boleh difunakan tidak melebihi setiap 3 jam kepada maksimum 6 kali sehari.

-Jika terlupa menggunakan

Sapukan gel sebaik sahaja anda mengingatnya. Sekiranya hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang sebelumnya dan sambungkan rawatan seperti biasa.

Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terabai.

-Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Tiada maklumat berkenaan penggunaan berlebihan pada manusia dilaporkan.

Semasa menggunakan Orregel

-Perkara yang perlu dilakukan

Sekiranya ingin bermula mengambil ubat yang lain, beritahu ahli farmasi atau doktor bahawa anda sedang mengambil Orregel.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan lebih daripada dos yang disarankan melainkan daripada arahan ahli farmasi atau doktor anda.

Jangan memberi ubat aspirin kepada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun semasa sedang mengambil Orregel.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Persediaan yang mengandungi salicylates boleh menyebabkan *bronchospasm* (pegecutan otot dinding saluran pernafasan) dan mendorong serangan asma pada individu.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Orregel boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan. Ia selalunya adalah ringan dan sementara tetapi sesetengah kesan sampingan mungkin serius dan memerlukan perhatian perubatan.

ORREGEL

Choline Salicylate / Cetylpyridinium Chloride (8.7% w/w / 0.1% w/w)

Tiada kesan sampingan yang diketahui akibat penggunaan Orregel. Walau bagaimanapun, jika anda rasa gel ini memberikan masalah kepada bayi anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Hentikan menggunakan ubat ini sekiranya anda mengalami: mana-mana gejala alahan.

Sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan, walaupun tidak dinyatakan dalam risalah ini, sila rujuk kepada doktor/ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Orregel

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

Pastikan tiub ditutup rapat. Simpan di tempat terlindung daripada cahaya terik. Jauhkan daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna

Orregel adalah gel lutsinar dengan perasa anggur hitam. Ia tanpa alkohol dan tidak ditambah gula.

Orregel boleh didapati dalam tiub aluminium 5g dan 15g.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:

Setiap tiub mengandungi Choline Salicylate 8.7% w/w dan Cetylpyridinium Chloride 0.1% w/w.

-Bahan-bahan tidak aktif:

Blackcurrant Flavour, Carboxymethyl cellulose, Methylparaben, Sodium Polyacrylate, Pectin, Propylparaben, Sorbitol Solution 70%, Purified Water.

-Nombor MAL:

MAL20014237X

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

-11/04/2017

Nombor siri :

BPFK(R4/1)030417/00046